

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, DI DEWAN RAKYAT PADA 9HB OGOS, 1961

Tuan Yang Dipertua, saya suka menjawab teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang didatangkan oleh pihak pencadang usul ini, juga wakil pihak Persatuan Islam se Malaya terhadap rancangan pelajaran dewasa yang baharu sahaja dilancarkan oleh Kerajaan Perikatan. Di sini saya suka terangkan bagi pihak Kerajaan sentiasa menerima apa juga pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang membena yang boleh membaiki di atas sesuatu perkara atau dasar Kerajaan ini, akan tetapi Kerajaan berasa dukacita tak dapat menerima usul yang didatangkan oleh wakil dari pihak Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.² Di sini saya suka terangkan kepada Dewan ini bagaimana caranya, satu persatu pegawai-pegawai, kakitangan-kakitangan yang menjalankan rancangan pelajaran dewasa ini dilantik oleh Kerajaan. Menurut keputusan yang telah diambil dalam perkara ini iaitu Kerajaan bercadang hendak mengadakan sepuluh orang Pengelola Negeri tiap-tiap satu Negeri satu orang, Negeri Perlis dan Kedah dijadikan satu, dan Pengelola ini ialah kakitangan Kerajaan. Orang-orang Kerajaan telah diberi gaji dengan jelasnya dan Kerajaan bercadang hendak mengadakan 140 orang Penyelia Pelajaran Dewasa yang dikehendaki. Penyelia-penyelia ini bukan orang Kerajaan. Orang-orang ini hanya diberi gaji daripada satu bulan ke satu bulan menurut timbangan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dan Kerajaan bercadang juga hendak mengadakan beberapa Pusat Latihan Pelajaran Dewasa dan dicadangkan hendak diadakan di tiap-tiap Mukim satu Pusat Latihan. Pada tahun ini hendak diadakan sekurang-kurangnya satu Mukim tiga belas kelas dewasa.

Jadi nyatalah rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini rancangan yang besar yang berkehendakkan usaha dan tenaga yang penuh, dan oleh itu mustahaklah pegawai-pegawai ini dilantik dengan seberapa segeranya, diberi latihan dengan

1 Persidangan Dewan Rakyat Pertama Penggal Ketiga.

2 Y.B. Encik Othman bin Abdullah.

seberapa segeranya, dan latihan-latihan itu telah pun dijalankan mulai daripada Pegawai Pengelola, lepas itu kepada Penyelia dan tak berapa lama lagi kepada guru-guru.

Berkenaan dengan **Pengelola-pengelola** Negeri, pegawai-pegawai yang telah **dilantik** itu ialah daripada Pegawai-pegawai Kerajaan yang ada sekarang ini yang **difikirkan layak menjalankan** pekerjaan itu, satu sahaja yang tidak dapat Pegawai Kerajaan iaitu di Kelantan dan jawatan ini belum dapat diisi lagi oleh pihak Public Services Commission. Jadi peraturan yang dibuat bagi **melantik** jawatan ini mengikut peraturan yang biasa dibuat oleh Kerajaan, iaitu Pegawai-pegawai Kerajaan yang ada sekarang ini **diambil** dengan persetujuan pihak Establishment **Office**, iaitu diambil sementara. Jadi **seperti** yang saya katakan pegawai-pegawai itu dipilih daripada orang yang telah berkhidmat kepada Kerajaan yang difikirkan boleh menjalankan ini. **Kalau** hendak dipakai orang yang **berpengalaman** yang penuh **dalam hal** Pelajaran **Dewasa** ini terpaksa kita mengambil orang luar negeri, orang yang seperti itu dalam negeri kita ini tidak ada. Kerajaan Perikatan tidak berdasar **semacam** itu. Kerajaan **Perikatan** semenjak merdeka ini percaya kepada tenaga, kepada kebolehan **anak-anak** negeri ini, dan saya percaya anak-anak negeri dan pegawai-pegawai negeri ini boleh membuat pekerjaan seperti mengelolakan **Kelas-kelas** Dewasa itu **kalau** diberi latihan. Jadi itulah sebabnya pegawai-pegawai itu apabila dilantik diberi latihan. Kita tidak boleh hendak mengambil pegawai yang berpengalaman **tinggi** seperti Education Officer, kerana mereka itu ada **mempunyai** tanggungjawab yang mustahak, jadi kita tidak dapat hendak **tarik** mereka itu. Begitu juga pegawai-pegawai di setengah tempat yang lain. Jadi apa jua pegawai yang kita fikirkan boleh diambil bagi sementara itu kita **gunakan** kerana satu rancangan kebangsaan yang mustahak dijalankan dengan segera. Jadi Pegawai-pegawai itulah dipilih dan diberi latihan. Dan saya puas hati semenjak mereka ini **mula** bekerja daripada 1 **haribulan** Jun, **tahun** ini mereka ini adalah menjalankan tugasnya dengan puas hati. **Sehingga** hari ini kita telah mengadakan 1,280 **kelas-kelas**, iaitu **lebih** 861 daripada kelas-kelas yang ada pada masa **mula-mula** Kementerian ini bertanggungjawab di atas hal ini. Jadi itulah saya harap, **pegawai-pegawai** ini mula sahaja menjalankan tugas patutlah diberi peluang kepada mereka itu **menunjukkan** kebolehan.

Selepas mereka itu berkhidmat setahun dua didapati tidak menjalankan kewajipan dengan sempurna, dan pada masa itu kalau kita hendak tegur pekerjaannya bolehlah kita tegur. Tetapi, saya fikir tentulah tidak adil dan tidak patut mengatakan oleh sebab pegawai itu tidak ada pengalaman Pelajaran Dewasa tidak layak menjadi Pengelola mentadbirkan hal ini. Pekerjaan Pengelola semata-mata mentadbirkan dan menjaga kelas itu. Jadi dengan latihan yang telah diberikan itu saya puas hati yang mereka itu layak dan boleh menjalankan pekerjaannya dengan memberi puas hati kepada kita. Saya ulang sekali lagi iaitu dasar Kerajaan Perikatan ialah hendak menumpukan harapan kita kepada pegawai-pegawai kanan negeri, bukan kita hendak mengambil pegawai-pegawai luar negeri dalam pekerjaan yang semacam ini, kerana pegawai-pegawai anak negeri ada banyak sungguhpun dalam masa penjajahan dahulu mereka itu tidak mempunyai latihan. Itu bukan salah mereka. Sekarang ini patutlah kita beri mereka itu latihan supaya pekerjaan yang semacam ini dapat dipegang oleh pegawai-pegawai anak negeri. .

Berkenaan dengan Penyelia-penyelia Jajahan, seperti yang saya katakan, mereka itu bukanlah Pegawai Kerajaan. Mereka itu diambil daripada orang-orang yang difikirkan boleh menjalankan pekerjaannya dalam masa lapang (part time). Jadi pegawai-pegawai ini dilantik oleh Pengelola-pengelola dalam tiap-tiap negeri, dan orang yang diambil itu ialah daripada mereka yang difikirkan boleh menjalankan pekerjaan dan mempunyai kelayakan menjalankan pekerjaan. Dan dalam Penyelia-penyelia ini ada juga Pegawai Kerajaan diambil seperti Guru Pelawat dan juga guru sekolah yang difikirkan boleh melapangkan masa untuk membuat pekerjaan. Jadi dalam memilih Penyelia ini, Pengelola-pengelola Negeri tidak memandang kepada kecenderungan satu-satu parti, bahkan memandang kepada orang yang difikirkan layak membuat pekerjaan itu dan boleh menjalankan tugasnya. Dan Penyelia-penyelia itu diberi latihan dalam teori dan juga praktikal dan selepas latihan itu diadakan peperiksaan, dan jika didapati tidak layak, tidak lulus dalam peperiksaan mereka itu akan diberhentikan. Kerajaan berkehendakkan orang yang boleh membuat pekerjaan, orang yang tidak layak Kerajaan tidak mahu, dan mereka itu akan diberhentikan. Penyelia-penyelia sudah diberitahu atas semua hal itu dan mereka itu di setengah tempat sedang menerima latihan, dan selepas latihan itu akan diadakan

peperiksaan, dan seperti yang telah saya katakan tadi, kalau tidak lulus dalam peperiksaan itu mereka akan diberhentikan.

Dan begitu juga berkenaan dengan guru-guru. Seperti yang saya terangkan dalam jawapan saya yang **dibentangkan** dalam **Dewan** ini **mustahaklah** mempunyai kelayakan yang **tersebut**. Dan **perintah** telah **diberi** kepada semua Pengelola Negeri bahawa hanyalah orang yang mempunyai kelayakan yang semacam itu boleh diambil **menjadi** guru, orang lain yang tidak ada kelayakan yang tersebut itu tidak boleh **mengajar** di **Kelas-kelas Dewasa**. Guru-guru itu diberi latihan seperti **Penyelia-penyelia** dalam cara mengajar yang baharu, bukan cara “**Laubach**”. Saya fikir cara “**Laubach**” yang dahulu tidak sesuai lagi dengan cara mengajar **Kelas Dewasa** yang baharu, dan selepas latihan itu diadakan peperiksaan, jika didapati tidak layak, tidak lulus mereka itu akan diberhentikan juga. Guru-guru ini adalah dibayar (part time) iaitu \$4.00 sejam, dan tidaklah menjadi kesukaran hendak diberhentikan **bila-bila masa** kalau **difikirkan** tidak layak. Saya telah **diberitahu** sehingga hari ini ada lebih kurang 3,745 **permintaan-permintaan** hendak menjadi guru telah diterima dan 1,280 daripada itu telah diambil. Dan saya telah memberi perintah iaitu guru-guru yang sekarang ini sedang mengajar dalam Kelas Dewasa itu hendaklah diberi keutamaan. Selain daripada itu diambil orang-orang yang terkenal di tempat atau daerah itu, kerana **kita** berkehendakkan guru-guru yang dipercayai oleh penduduk-penduduk tempat itu, dan jika guru-guru itu tidak dipercayai oleh penduduk-penduduk tempat itu tentulah tidak boleh mengajar dengan puas hati dan tentu tidak **menerima** sokongan daripada penduduk-penduduk yang hendak menerima latihan itu. Dan dalam siasatan yang saya dapat buat dalam **hal** ini saya puas hati bahawa Pengelola-pengelola Negeri telah memilih guru-guru itu daripada orang yang difikirkan mempunyai kelayakan termasuk juga negeri Kelantan **sebenarnya** pun guru-guru yang dipilih itu ada orang yang cenderung kepada parti-parti siasah UMNO, PAS, dan juga Parti Negara, tetapi mereka itu telah diberi tugas mengajar kepada penduduk-penduduk daripada semua pihak, dan tidak boleh membawa perkara **politik** dalam hal mengajar **Pelajaran Dewasa** ini. Oleh itu kita tidaklah dapat hendak mengetahui yang sebenarnya apa kecenderungan seseorang itu dalam parti siasah, **terutama** di Pantai Timur, sebab penduduk-penduduk di sana dari semasa ke **semasa** biasanya fikirannya

bertukar. Dahulu, barangkali mereka itu menyokong PAS sekarang ini kebanyakannya telah pun keluar dan masuk UMNO. Jadi dengan keadaan yang semacam ini tentulah kita tidak dapat tahu apa kecenderungan seseorang itu. Jadi saya puas hati bahawa dalam pemilihan Pegawai Penyelia dan guru-guru itu tidak ada “pilih kasih” di mana-mana juga tempat. Mereka itu dipilih ialah kerana kebolehannya.

Akan tetapi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama pihak PAS faham bahawa kita baharu sahaja menjalankan Rancangan Pelajaran Dewasa, bahkan yang sebenarnya belum dilancarkan lagi, hanyalah pada masa ini jentera-jentera baharu diadakan, dan saya harap dapat dilancarkan tak lama lagi apabila tingkatan kedua Rancangan Pembangunan Luar Bandar dilancarkan.

Saya yakin dan percaya, seperti yang saya katakan tadi, jika mereka itu diberi peluang menunjukkan kebolehan mereka, dan pekerjaan mereka itu disokong oleh semua pihak, kita akan dapat kejayaan dalam Rancangan Pelajaran Dewasa ini seperti kejayaan kita dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang lain.

Akan tetapi, saya khuatir sedikit iaitu Ketua-ketua PAS di Kelantan dan Trengganu ada mendatangkan dakyah—samada benar atau tidak—iaitu Pelajaran Dewasa ini adalah bertentangan dengan ugama dan tidak patut disokong. Pada pandangan saya ini ialah dakyah yang nakal, yang merosakkan kedudukan rakyat dan merugikan rakyat. Jadi saya harap—kalau tidak betul—seperti kata Yang Berhormat dari Bachok³ tadi—saya harap Ketua Agung PAS membetulkan perkara ini. Dan saya sukacita mendengar yang mereka itu menyokong Rancangan Pelajaran Dewasa ini, dan saya harap beritahu kepada penyokong-penyokong mereka di Kelantan dan Trengganu supaya menyokong Rancangan Pelajaran Dewasa yang semata-mata akan memberi faedah kepada rakyat. Dan harus juga dari semasa ke semasa dalam perjalanan Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar termasuk Rancangan Pelajaran Dewasa, barangkali ada perkara yang tidak betul, tetapi kita harap dapat dibetulkan bersama-sama. Saya suka katakan sekali lagi iaitu kita patutlah beri peluang kepada pegawai-pegawai itu menunjukkan kebolehannya, dan pihak Kerajaan

3 Y.B. Encik Zulkifli bin Mahmud.

berazam hendak menjayakan Rancangan **Pelajaran Dewasa ini** dengan seberapa **boleh** dan akan **menumpukan sepenuh** tenaga bagi mendapat **hasil** yang memberi puas hati.

Oleh itu saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini **daripada semua** pihak akan memberi kerjasama dengan sepenuhnya kepada Kerajaan supaya rancangan kebangsaan yang semata-mata memberi faedah kepada rakyat itu akan dapat **berjalan** dengan memberi hasil yang sepenuh.